

Jabatan khusus bantu mantap jati diri suami

Kuala Lumpur: Penubuhan jabatan khusus bagi pembangunan golongan lelaki, mampu memantapkan jati diri golongan itu sebagai ketua keluarga dan pemimpin masyarakat.

ia dianggap relevan sebagai inisiatif usaha memperkasakan golongan lelaki negara ini, sejajar perubahan zaman dan cabaran semasa.

Mufti Pahang, Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman, berpendapat jabatan seumpama itu perlu berfungsi bersama agensi lain dalam bidang agama, undang-undang, belia, kebajikan dan kesihatan, bagi mengukuhkan peranannya membantu golongan lelaki.

Beliau berkata, kes deraan mental suami amat kurang diberi perhatian kerana masalah ini tidak nampak secara fizikal tetapi mampu memberi implikasi besar dalam diri, keluarga dan masyarakat.

“Ada penderaan mental pasangan Islam berpunca dari-

pada gangguan sihir seperti amalan ilmu penunduk suami yang diwarisi secara turun temurun. Meskipun haram di sisi Islam tetapi masih diamalkan masyarakat moden.

Jenayah sihir

“Kajian wajar dibuat bagi menyambung kesinambungan usaha Universiti Malaysia Pahang dalam usaha menjadikan jenayah sihir sebagai satu bentuk perundangan sah. Jabatan agama perlu meningkatkan bilangan kaunselor yang boleh membantu bukan sekadar aspek agama tetapi psikologi, mental dan perundangan bagi meningkatkan keyakinan rakyat kepada saluran sedia ada,” katanya kepada BH.

BH semalam melaporkan pakar perundangan yang menyarankan penubuhan jabatan hal ehwal lelaki kerana situasi semasa menyaksikan suami tidak terkecuali daripada men-

jadi mangsa penganiayaan rumah tangga.

ia susulan pendedahan akhbar ini berhubung kajian pakar sosial Universiti Putra Malaysia yang mendedahkan 70 peratus lelaki didera secara mental sebagai punca perceraian di negara ini.

Penubuhan jabatan itu juga



Ada penderaan mental pasangan Islam berpunca daripada gangguan sihir seperti amalan ilmu penunduk suami yang diwarisi secara turun temurun”

Abdul Rahman Osman,
Mufti Pahang

disokong Ahli Parlimen Kuala Selangor merangkap Presiden Majlis Belia Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim, yang berpendapat ia wajar dibuat secara berasingan bagi memfokuskan isu dan semua aspek berkaitan lelaki.

Tugas sebagai pemimpin

“Fungsi dan tanggungjawab lelaki yang lebih utama sebagaimana digariskan agama. Sehubungan itu, seorang lelaki mesti betul-betul cergas dan memiliki ketahanan mental serta fizikal untuk menerajui keluarga, masyarakat dan negara.

“Jika lelaki ditindas, didera secara mental dan psikologi, mereka gagal melaksanakan tugas kepimpinan yang baik seperti yang diharapkan,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Perancangan Masyarakat Madani Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM), Zaid Kamaruddin, berpandangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) adalah agensi paling tepat mengurus dan menangani isu berkenaan kerana selama ini ia menjadi rujukan institusi kekeluargaan dan masyarakat.